

20 MAR 2004

Pilihan raya-Mahathir

UNDI PAS MASUK SYURGA, ORANG ARAB TURUT TERKEJUT - DR MAHATHIR

JERLUN, 20 Mac (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir

Mohamad berkata orang Arab turut terkejut dengan dakwaan pemimpin Pas bahawa sesiapa yang mengundi parti pembangkang itu akan masuk syurga.

Dr Mahathir berkata, ketika beliau berada di Arab Saudi baru-baru ini, ramai orang Arab yang terkejut apabila membaca laporan sebuah akhbar di negara itu yang melaporkan ucapan Mursyidul Am Pas Datuk Nik Aziz Nik Mat mengenai sesiapa yang undi Pas akan masuk syurga.

"Orang Arab sendiri terkejut dan bertanya apakah mereka (orang Arab) tak boleh masuk syurga, kerana mereka bukan rakyat Malaysia dan sudah pasti tidak boleh mengundi Pas.

"Mereka sedih sebab ada orang Islam yang boleh membuat dakwaan seperti itu," katanya semasa berucap merasmikan Wisma Umno Bahagian Jerlun, di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, calon BN kerusi Parlimen Jerlun Datuk Abdul Rahman Ariffin, calon Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Hitam Othman Aziz dan calon DUN Kota Seputeh Abu Hassan Sarif.

Dr Mahathir yang juga Penasihat Pilihan Raya Barisan Nasional (BN) Kedah turut mencabar Pas membuktikan menerusi ayat Al-Quran atau hadis yang menyatakan jika tidak memangkah Pas dalam pilihan raya, pengundi itu bukan Islam.

Katanya, pilihan raya diadakan untuk menentukan parti mana yang membentuk kerajaan dan memerintah negara, dan bukannya untuk menentukan orang ini Islam dan orang itu bukan Islam.

"Ia bukan diadakan untuk tentukan siapa kafir kerana tiada sesiapa pun yang boleh menentukan siapa yang kafir kerana itu bukan hak parti politik. Pilihan raya adalah untuk memilih wakil rakyat yang berwibawa serta

cepat

dan jika cukup bilangannya, barulah boleh tubuh kerajaan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Nik Aziz yang dulunya mengatakan wanita tidak boleh menjadi pemimpin, kini terdesak menampilkan calon wanita semata-mata untuk memancing undi, dengan di Kedah parti itu menampilkan dua calon wanita iaitu Aishah Ghazali di DUN Merbau Pulas dan Dr Rohani Abdul Mutalib di DUN Jitra.

"Umno awal-awal lagi sudah letakkan calon wanita kerana dalam Islam, wanita juga punya hak," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Dr Mahathir berkata BN Kedah perlu menang dengan prestasi lebih baik pada pilihan raya kali ini.

"Selepas jatuh beberapa kerusi kepada Pas pada 1999, BN Kedah mesti melakukan lebih baik dan merampas kembali kerusi berkenaan," katanya.

-- BERNAMA

MZM ZS RHM